



جابتن أكام إسلام فیراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid Seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan

YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan,

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JAIPK/BPM/32/12 Jld.2 (93)

Tarikh 27 Januari 2021M

14 JamadilAkhir 1442H

MOHON MELAKSANAKAN BACAAN DOA SELEPAS SOLAT FARDHU UNTUK MENGHINDARI WABAK COVID-19 DAN KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan sedia maklum bahawa peningkatan kes Covid-19 di Malaysia sekarang amat membimbangkan.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Agama Islam Perak menyarankan supaya masjid-masjid di seluruh Negeri Perak mengadakan **bacaan doa untuk menghindari wabak Covid-19 dan kesejahteraan umat Islam**. Bacaan doa ini **hendaklah dibaca oleh imam bertugas setiap kali selepas solat fardhu dan dilakukan secara berterusan**.
4. Bersama- sama ini dilampirkan panduan doa untuk tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan
5. Pihak YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan hendaklah memastikan Pegawai Masjid (Imam) yang bertugas melaksanakan saranan ini. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Tuan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Perak

s.k. YAB Menteri Besar Perak
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Y.Bhg Orang Besar Jajahan (OBJ)
Pegawai Tadbir Agama Daerah

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"

- PANDUAN DOA -

Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim.

Engkau berilah kekuatan, kecekalan dan kesabaran kepada kami untuk menghadapi dugaanMu yang berat ini. Engkau tiupkanlah ketenangan dalam jiwa kami. Sesungguhnya setiap dugaan yang Engkau turunkan kepada kami Ya Allah, tiadalah ia melainkan untuk meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kami kepadaMu.

Ya Allah Ya Rahman Ya Syaafi.

Engkau berilah kesembuhan kepada saudara-saudara kami yang dijangkiti wabak Coronavirus walau di mana sahaja mereka berada. Sesungguhnya, tiada penyakit yang tidak dapat Engkau sembuhkan Ya Allah. Tiada mara bahaya yang tidak dapat Engkau jauhinya dari kami Ya Allah. Kami bermohon ke hadratMu Ya Allah, lindungilah kami, selamatkanlah kami dan sejahterakanlah hidup kami.

Dengan nama Allah yang tidak memberikan mudarat sesuatu di bumi atau di langit. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Amiin Ya Rabbal Alamiin..